

U 8559 DEB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 22 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI MEMBERI AMARAN TENTANG BAHAYA KEKALAHAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKIBAT BERHASILNYA KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN PUCUK PIMPINANANNYA DAN KECEDERUNGAN ANGGOTA-ANGGOTA BN TERMASUK UMNO MENGANGGAP PARTI ITU TIDAK BOLEH KALAH.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO DAN BN BAHAWA SEKIRANYA MEREKA TEWAS DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG, BERASASKAN SEJARAH, MEREKA TIADA PELUANG LAGI UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA PADA MASA HADAPAN DAN TERPAKSA TERUS MENJADI PEMBANGKANG.

KATANYA ORANG MELAYU PULA AKAN HILANG KUASA POLITIK DAN OLEH ITU MEREKA PERLU SERIUS DAN TIDAK MENGIKUT EMOSI DALAM TINDAK-TANDUK POLITIK MEREKA KERANA SELAGI MEREKA BELUM SETARAF DENGAN KAUM-KAUM LAIN DALAM BIDANG EKONOMI DAN PELAJARAN MEREKA MASIH MEMERLUKAN KUASA POLITIK.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN LEMBAH PANTAI, BAHAGIAN BATU DAN BAHAGIAN SEPUTEH SECARA SERENTAK DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA PARA ANGGOTA UMNO MEMAHAMI BAHAWA DALAM PEMBAHAGIAN KERUSI, PUCUK PIMPINAN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN SEMUA KAWASAN MAJORITI PENGUNDI MELAYU KEPADA PARTI ITU KERANA YANG PENTING BUKAN KEMENANGAN DI SATU ATAU DUA KAWASAN TETAPI KEMENANGAN MENYELURUH AGAR BOLEH MENUBUHKAN KERAJAAN. -- LAGI.
1330MST 22 06 86

U 2582 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA ORANG-ORANG YANG IRI HATI DENGAN KEJAYAAN UMNO DAN BN SEDANG MENGEUNAKAN TAKTIK KOTOR UNTUK MENGIKIS KEPERCAYAAN ANGGOTA PARTI DAN ORANG RAMAI TERHADAP KEPIMPINAN KERAJAAN.

BELIAU MENDEDAHKAN ADA PARTI LAWAN KINI MENYEBARKAN GAMBARNYA YANG SEDANG MAKAN SEMEJA DI HONG KONG DENGAN ORANG-ORANG YANG TERBABIT DENGAN KES BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE (BMF) DAN RISALAH-RISALAH YANG MENGAITKAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN DENGAN RASUAH.

KATANYA GAMBAR ITU DIAMBIL PADA SATU JAMUAN OLEH BMF KETIKA LAWATANNYA KE HONG KONG UNTUK MENGGALAK PELABURAN TUJUH ATAU LAPAN TAHUN LALU.

+DENGAN GAMBAR ITU MEREKA BERHARAP KALAU KITA MENGADAKAN PILIHAN RAYA HARI INI, ORANG UMNO TENTU TIDAK ADA MASA HENDAK TANYA SAYA SENDIRI DAN MEREKA PERCAYA SAYA TERLIBAT DENGAN KES BMF,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA ADA SEBILANGAN ANGGOTA UMNO SENDIRI JATUH KE DALAM PERANGKAP ITU KERANA ADA YANG DATANG BERJUMPA BELIAU MEMINTA SUPAYA ORANG-ORANG TERTENTU YANG DITOHMAH DISINGKIR DAN BELIAU PERCAYA RAMAI ORANG LAIN JUGA TERPENGARUH DENGAN RISALAH-RISALAH ITU. -- LAGI.

1412MST 22 06 86

D972

U 8589 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

+INI BERMAKNA TAKTIK PIHAK LAWAN SEDIKIT SEBANYAK BERKESAN TERHADAP ANGGOTA UMNO, TERHADAP PARA PENGUNDI ATAS PAGAR DAN ORANG-ORANG YANG MEMANG TIDAK MENYOKONG KITA DAN KALAU DIJUMLAHKAN MEREKA LEBIH RAMAI DARIPADA KITA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA BANYAK LAGI GAMBAR-GAMBAR DAN RISALAH-RISALAH MEMBURUKKAN KEMPIMPINAN KERAJAAN AKAN DISEBAR MENJELANG PILIHAN RAYA KERANA TUJUAN PIHAK LAWAN IALAH HENDAK MENGURANGKAN KEPERCAYAAN TERHADAP KEPIMPINANNYA DAN PARA PEMIMPIN BN YANG LAIN.

KATANYA PIHAK LAWAN TAHU BAHAWA DALAM PILIHAN RAYA 1982 BN BEROLEH KEMENANGAN BESAR KERANA MENGGUNAKAN SLOGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH (BCA) DAN KERAJAAN SEJAK MEMENANGI PILIHAN RAYA ITU MEMANG BERUSAHA MEMENUHI HASRAT COGAN KATA TERSEBUT.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA JIKA UMNO DAN JUGA BN MAHU MEMENANGI PILIHAN RAYA MEREKA MESTILAH MERAPATKAN BARISAN, MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA KEPIMPINAN DAN JANGAN BERSIKAP BONGKAK SERTA TERLAMPAU YAKIN SEBALIKNYA HENDAKLAH BERDISIPLIN DAN MENGIKUT PERATURAN.

MENGENAI BMF, BELIAU BERKATA ADA ORANG BERKATA MENGAPA KERAJAAN TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN, TETAPI KES ITU TERPAKSA TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG HONG KONG KERANA KES ITU BERLAKU DI SANA DAN BELIAU DIFAHAMKAN PERBICARAAN KES ITU MUNGKIN MENGAMBIL MASA SELAMA LIMA TAHUN. -- LAGI.

1439MST 22 06 86

U 8590 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR SELANJUTNYA MENYATAKAN KESALNYA KERANA ADA SESETENGAH ORANG MELAYU SUKA MENERIMA PUJIAN DARIPADA ORANG ASING DAN SANGGUP MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI MELALUI MAJALAH-MAJALAH ASING YANG SUKA MENDEWA-DEWAKAN NEGARA MEREKA SENDIRI.

+KEBANYAKAN MAJALAH ASING ADALAH KEPUNYAAN ORANG YAHUDI DAN MEREKA TIDAK SENANG MELIHAT NEGARA YANG DIPERINTAH MENGIKUT ASAS-ASAS ISLAM BERJAYA,+ KATANYA.

KATANYA, MALANGNYA ADA ORANG MALAYSIA SENDIRI MENERIMA PANDANGAN ORANG-ORANG YAHUDI YANG MEMPEROLOK-OLOKAN NEGARA INI. -- BERNAMA.

1440MST 22 06 86